

PENUTUP

1. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 telah dikemukakan untuk pengauditan pada 28 Februari 2024. Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2023 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 menunjukkan satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.
2. Pemantauan yang berterusan di semua peringkat termasuk Pusat Tanggungjawab Kementerian dan Jabatan perlu diberi perhatian serius untuk memantapkan pengurusan kewangan. Penyediaan prosedur kerja yang jelas, pemahaman dan pematuhan kepada peraturan kewangan serta penyeliaan rapi terhadap tugas pegawai akan mewujudkan amalan dan budaya kerja yang berkualiti dan berintegriti.
3. Sehubungan dengan itu, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut diambil:
 - a. Kerajaan Persekutuan disarankan untuk meneruskan usaha meningkatkan hasil pendapatan melalui pelbagai sumber dan meningkatkan tadbir urus dalam pengurusan perbelanjaan awam supaya kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan berada dalam keadaan lebih kukuh.
 - b. Memastikan pengurusan hutang awam yang berhemat bagi mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman baharu. Selain itu, syarikat-syarikat Kerajaan digesa untuk memantapkan tatakelola pengurusan kewangan agar dapat memberi pulangan dividen kepada Kerajaan Persekutuan dan tidak bergantung kepada bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan.
 - c. Pegawai Pengawal hendaklah membuat pemantauan yang lebih rapi dan berterusan serta melaksanakan langkah intervensi dengan segera bagi memastikan pelaksanaan projek pembangunan di bawah RMKe-12 dapat disiapkan sepenuhnya menjelang akhir tahun 2025.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
9 September 2024**